



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 03/2018

Rujukan : Bil (15) dlm.MBI.B1/12/1/12 JLD.2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

30 Januari 2018

Setiausaha Bandaraya /
Pengarah Kanan /
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

PENGGUNAAN ARAHAN KERJA, KERJA SIAP, BAYARAN KEMAJUAN KERJA (BKK) DAN TAWARAN KERJA/PEMBEKALAN/PERKHIDMATAN SEHINGGA RM20,000.00 (LANTIKAN/PEMBELIAN TERUS) MELALUI SISTEM PERAKAUNAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPBT).

Dengan hormatnya saya memohon perhatian tuan / puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, sistem perolehan telah ditambahbaik di mana **arahan kerja, kerja siap, bayaran kemajuan kerja dan tawaran kerja/pembekalan/perkhidmatan sehingga RM20,000.00 (lantikan/pembelian terus)** telah disediakan sepenuhnya di dalam Sistem SPBT. Tujuan sistem ini diwujudkan adalah untuk memudahkan proses kerja bagi perolehan yang dilaksanakan, mengurangkan kesilapan berkaitan jumlah bayaran dan lebih telus serta berintegriti.

3. Oleh itu, bagi mana-mana perolehan yang menggunakan **peruntukan Majlis Bandaraya Ipoh**, pihak jabatan yang berkaitan hendaklah **menggunakan arahan kerja, kerja siap dan bayaran kemajuan kerja melalui sistem. Arahan kerja hendaklah dikeluarkan pada awal bulan dan seterusnya kerja siap dan bayaran kemajuan kerja dikeluarkan pada akhir bulan** bagi perolehan yang perlu dibuat pembayaran pada setiap bulan. Bagi perolehan yang tidak dibayar setiap bulan, **arahan kerja hendaklah dikeluarkan awal sebelum kontraktor/pembekal memulakan kerja dan seterusnya setelah kerja selesai, kerja siap dan bayaran kemajuan kerja dikeluarkan** bagi memproses bayaran yang sepatutnya. Semua pengeluaran arahan kerja, kerja siap dan bayaran kemajuan kerja boleh di akses di modul **MOHON BAYARAN**.

ARAHAN KEWANGAN BIL. 03/2018

PENGGUNAAN ARAHAN KERJA, KERJA SIAP, BAYARAN KEMAJUAN KERJA (BKK) DAN TAWARAN KERJA/PEMBEKALAN/PERKHIDMATAN SEHINGGA RM20,000.00 (LANTIKAN/PEMBELIAN TERUS) MELALUI SISTEM PERAKAUNAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPBT).

4. Selain itu, penambahbaikan bagi **tawaran kerja/pembekalan/perkhidmatan yang bernilai sehingga RM20,000.00 (lantikan/pembelian terus)** yang mana sebelum ini dikeluarkan secara manual juga telah boleh dikeluarkan melalui sistem SPBT. Objektif ini adalah untuk membantu pihak Majlis dari **segi perekodan secara sistematik bagi perolehan kerja/pembekalan/perkhidmatan yang bernilai sehingga RM20,000.00 (lantikan/pembelian terus)** seperti mana yang telah dilaksanakan kepada perolehan secara sebut harga/tender.


5. Setiap jabatan perlulah menentukan pegawai/anggota yang sepatutnya bertanggungjawab untuk melaksanakan ketetapan ini dan kerjasama serta komitmen yang sepenuhnya diperlukan daripada pegawai/anggota tersebut bagi memastikan penggunaan sistem ini berjaya dilaksanakan.

6. Oleh itu, diharap dengan usaha ini akan memudahkan semua jabatan terutamanya Jabatan Perbendaharaan untuk mengurus, menyelia dan memantau kerja/pembekalan/perkhidmatan yang dilaksanakan oleh kontraktor/pembekal sehingga ke peringkat pembayaran dan baki peruntukan yang masih belum digunakan lagi.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

“IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ZAMRI BIN MAN, DPMP., PMP., AMP., PJB.)
Datuk Bandar Ipoh.

“LESTARIKAN INOVASI, LUHURKAN INTEGRITI”